



Anwar bersama Hannah menyampaikan replika cek kepada wakil persatuan Karate Johor, sambil diperhatikan Onn Hafiz (tengah) dan Setiausaha Kerajaan Johor Tan Sri Azmi Rohani pada Program MADANI Rakyat di Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)

Pemimpin haloba rosakkan negara

BERITA HARIAN 24 MAY 2025

m/s: 2

PM komited ambil tindakan tegas terhadap perasuah

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana pihak yang terbabit dalam penyelewengan serta rasuah kerana itu unsur yang merosakkan negara.

Perdana Menteri berkata, pemimpin tidak seharusnya menggunakan kedudukan untuk mengaut kekayaan demi kepentingan peribadi atau keluarga.

“(Dulu) nak ambil tindakan tak berani. Kalau ambil tindakan, dikatakan berdendam. Namun, orang itu kumpul puluh-puluh bilion ringgit hidup selesa. Nak jadi pemimpin boleh tapi jangan kaut.

“Negara ini perlu diselamatkan. Mahu jadi pemimpin boleh tapi jangan jadi pemimpin yang kaut kekayaan untuk diri dan keluarga mereka. Negara ini perlu diselamatkan. Ini tekad kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program MADANI Rakyat dan Sambutan Hari Belia Negara di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh selaku menteri peneraju program berkenaan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Bangunkan modal insan

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menyentuh konsep pembangunan ideal.

Katanya, pembangunan sebenar bukan sekadar membina bangunan pencakar langit atau mengejar pertumbuhan ekonomi, tetapi membangunkan insan yang berilmu, beradab dan berakhlak.

“Seringkali apabila disebut

pembangunan, kita bayangkan pertumbuhan ekonomi, pembangunan bandar, pencakar langit, lebuh raya, dan pelbagai infrastruktur baharu. Namun, untuk apa semua itu?

“Tujuan sebenar pembangunan untuk membangunkan manusia. Ya, manusia. Bukan sekadar tubuh fizikal, tetapi manusia yang berilmu, berakhlak, mempunyai nilai dan berperasaan.

“Apa maknanya kita bina bangunan tinggi, jika dalamnya dihuni oleh manusia yang ganas, rakus, angkuh, dan menekan sesama sendiri? Apa makna negara maju jika rakyatnya hidup dalam kebencian,” katanya.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun turut menyeru golongan muda untuk memainkan peranan aktif dalam memberi contoh kepada masyarakat mengenai makna sebenar kemajuan.

“Saya mahu anak-anak muda beri contoh yang baik, ajar golongan tua yang mungkin kurang faham erti kemajuan,” katanya.